

**BRG Polo Haus Sdn Bhd dan satu lagi lwn Blay International (M) Sdn Bhd dan lain-lain** A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 22NCvC-66-01 TAHUN 2013  
ROSILAH YOP PK B  
30 JUN 2014

*Kontrak — Penjualan saham dalam syarikat — Perjanjian tidak ditandatangani — Sama ada wang yang dibayar oleh pembeli adalah sebagai pembayaran sebahagian harga belian saham — Sama ada balasan gagal secara keseluruhan* C

*Kontrak — Priviti kontrak — Saham — Kontrak di antara pembeli dan penjual — Sama ada pembeli boleh menuntut balik harga belian daripada syarikat yang bukan pihak kepada perjanjian* D

*Prosedur Sivil — Pliding — Fakta material — Kegagalan memplidkan fakta material — Sama ada mahkamah boleh membuat keputusan pada isu-isu yang tidak diplidkan* E

*Syarikat dan Perbadanan — Pemegang saham — Liabiliti — Sama ada pemegang saham boleh dipertanggungjawabkan dengan liabiliti-liabiliti syarikat* F

Plaintif kedua telah berunding untuk membeli saham-saham biasa defendan kedua, ketiga dan keempat ('ketiga-tiga defendan') di dalam modal saham defendan pertama. Ketiga-tiga defendan adalah pengarah-pengarah, pemegang-pemegang saham defendan pertama. Plaintif-plaintif mendakwa bahawa semasa plaintif kedua dan ketiga-tiga defendan masih dalam perbincangan terma-terma perjanjian penjualan saham ('PPS') tersebut, plaintif pertama atas permintaan ketiga-tiga defendan telah membuat bayaran sebahagian harga jualan saham tersebut berjumlah RM311,442.01. Menurut plaintif-plaintif, jumlah tersebut telah dibayar atas jangkaan PPS akan ditandatangani. Walau bagaimanapun, pihak-pihak tidak dapat bersetuju dengan terma-terma penjualan dan PPS telah tidak ditandatangani. Maka, plaintif-plaintif menuntut balik jumlah RM311,442.01 tersebut atas alasan balasan untuk bayaran jumlah RM311,442.01 itu telah gagal sama sekali. Ketiga-tiga defendan berhujah bahawa walaupun PPS tidak ditandatangani, plaintif-plaintif telah mengambil alih perniagaan defendan pertama dan plaintif pertama telah membayar jumlah tersebut bagi pihak defendan pertama kepada pemiutang-pemiutang dan pembekal-pembekal untuk menyelesaikan I

- A hutang-hutang defendan pertama. Pada masa yang sama, plaintif-plaintif telah mengambil alih semua aset-aset defendan pertama secara fizikal. Walau bagaimanapun, selepas itu PPS tidak ditandatangani kerana plaintif kedua dengan tiba-tiba mengubah terma-terma PPS tersebut dan ketiga-tiga defendan tidak bersetuju dengan pindaan tersebut. Berikutan itu,
- B plaintif-plaintif telah tiba-tiba berhenti daripada menjalankan perniagaan defendan pertama serta membayar liabiliti-liabiliti defendan pertama dan sekaligus meninggalkan perniagaan defendan pertama. Maka, menurut ketiga-tiga defendan, bayaran RM311,442.01 itu bukan merupakan 'harga jualan' untuk saham ketiga-tiga defendan. Defendan-defendan telah membuat
- C tuntutan balas bagi kerugian yang mereka alami.

**Diputuskan,** menolak tuntutan plaintif-plaintif dan membenarkan sebahagian tuntutan balas defendan-defendan dengan kos:

- D (1) Dakwaan plaintif-plaintif yang bayaran RM311,442.01 itu sebagai sebahagian bayaran untuk PPS adalah tidak berasas dan tidak konsisten dengan keterangan dokumen-dokumen semasa. Bayaran RM311,442.01 adalah jelas dibuat oleh plaintif pertama bagi pihak defendan pertama untuk selesaikan liabiliti defendan pertama dan
- E bayaran itu adalah jelas tidak untuk pembayaran sebahagian dari harga-harga saham untuk PPS kepada ketiga-tiga defendan. Bayaran tersebut tidak dibuat sebagai jangkaan bahawa terma-terma PPS akan dipersetujui (lihat perenggan 43 & 48).
- F (2) Ketiga-tiga defendan sebagai pemegang saham dalam defendan pertama tidak boleh dipertanggungjawabkan dengan liabiliti-liabiliti yang ditanggung oleh defendan pertama (lihat perenggan 60).
- G (3) Tidak ada priviti kontrak antara plaintif pertama dengan ketiga-tiga defendan. PPS yang ingin dilaksanakan itu adalah antara plaintif kedua dengan ketiga-tiga defendan. Plaintif pertama bukanlah pihak pada PPS yang ingin dilaksanakan antara plaintif kedua dengan ketiga-tiga defendan. Oleh itu, plaintif pertama tidak berhak untuk menuntut terhadap ketiga-tiga defendan kerana tuntutan wang berjumlah RM311,442.01 adalah dikatakan sebagai sebahagian bayaran untuk PPS (lihat perenggan 61–62).
- H (4) Plaintif pertama membayar liabiliti defendan pertama terhadap penghutang-penghutangnya, bayaran sewa kepada premis-premis sewaan defendan pertama, bayaran utiliti serta bayaran kepada pembekal-pembekal defendan pertama kerana plaintif-plaintif hendak mengambil alih perniagaan defendan pertama secepat mungkin. Tetapi,
- I plaintif-plaintif secara tiba-tiba telah berhenti daripada menjalankan perniagaan defendan pertama dan membayar liabiliti defendan pertama dan sekali gus telah meninggalkan perniagaan defendan pertama yang telah mereka ambil alih. Operasi-operasi cawangan defendan pertama

telah ditinggalkan begitu sahaja oleh plaintif-plaintif dan pekerja-pekerja tidak dibayar gaji serta sewaan cawangan tidak berbayar. Semua aset-aset dan stok-stok yang diambil oleh plaintif-plaintif tidak dikembalikan kepada defendan-defendan. Akibat daripada ini, defendan-defendan telah mengalami kerosakan dan kerugian. Plaintif-plaintif telah memungkirkan PPS yang ingin mereka laksanakan dengan mengubah syarat-syarat dan terma-terma PPS yang telah pun dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Maka, defendan-defendan berhak untuk diganti rugikan oleh plaintif-plaintif (lihat perenggan 71, 91–93).

A

B

- (5) Terdapat fakta-fakta yang dikemukakan dalam keterangan tidak diplidkan di dalam pliding terutamanya dari pihak plaintif-plaintif. Adalah undang-undang mantap bahawa pihak-pihak terikat dengan pliding masing-masing dan mahkamah tidak berhak dan tidak akan membuat keputusan pada isu-isu yang tidak diplidkan (lihat perenggan 117 & 119).

C

D

#### [English summary

The second plaintiff had negotiated with the second defendant to purchase the second, third and fourth defendants' shares ('the three defendants') in the first defendant's capital shares. The three defendants were directors, shareholders of the first defendant. The plaintiffs alleged that when the second plaintiff and the three defendants were in discussing about the terms of the share sales agreement ('PPS'), the first plaintiff, on the request of the three defendants had made the payment for a portion of the sale price of the shares in the amount of RM311,442.01. According to the plaintiffs, the amount was paid on the precipitation that the PPS would be executed. However, the parties did not agree with the terms of the sale and the PPS was not executed. Subsequently, the plaintiffs claimed for the amount of RM311,442.01 on the ground that the consideration of the amount RM311,442.01 totally failed. The three defendants submitted that even though the PPS was not executed, the plaintiffs had taken over the first defendant's business and the first plaintiff had paid the amount for the first defendant to the debtors and the suppliers to settle the first defendant's debts. At the same time, the plaintiff's took over all the first defendant's assets physically. However, the PPS was not executed after that as the second plaintiff suddenly amended the PPS terms and the three defendants did not agree to the amendments. Following that, the plaintiffs suddenly stopped from running the first defendant's business and from paying the first defendant's liabilities and hence, left the first defendant's company. Hence, according to the three defendants, the payment of RM311,442.01 was not a sale price for the three shares belonging to the defendants. The defendants counterclaimed for the losses they suffered.

E

F

G

H

I

**Held**, dismissing the plaintiff's claim and allowing defendant's counterclaim in part with costs:

- A (1) The plaintiffs' allegation that the payment of RM311,442.01 was a part of the payment for the PPS was baseless and inconsistent with contemporaneous documentary evidence. The payment was clearly made by the first plaintiff on behalf of the first defendant to settle the first defendant's liability and the payment was clearly not mean for a portion
- B of the shares prices for PPS to three defendants. The payment was not made as anticipation of the PPS terms agreed (see paras 43 & 48).
- (2) The three defendants, as shareholder in the first defendant, could not be made liable for the liabilities of the first defendants (see para 60).
- C (3) There was no privity of contract between the first plaintiff and the three defendants. The PPS wished to be executed was between the second plaintiff and the three defendants. The first plaintiff was not privy to the PPS wished to be executed between the second plaintiff and the three defendants. Hence, the first plaintiff was not entitled to claim against the
- D three defendants as the claim for the amount of RM311,442.01 was said to have been a portion of the payment for the PPS (see paras 61–62).
- (4) The first plaintiff paid the first defendant's liabilities against his creditors, rental payment on the first defendant's rental premises, utilities payment and payment to the first defendant's suppliers as the plaintiffs wanted to take over the first defendant's business as soon as possible. However, the plaintiffs suddenly stopped from running the first defendant's business and from paying the first defendant's liabilities and left the first
- E defendant's business which they had taken over. The operations of the first defendant's outlet was abandoned by the plaintiff and employees salary were not paid and the outlet rentals not paid. The assets and stocks taken by the plaintiffs were not returned to the defendants. As a result, the defendants suffered losses and damages. The plaintiffs breached the PPS which they wish to execute by amending the terms and conditions of the PPS which had been agreed by both parties. Therefore the defendants were entitled to be compensated by the plaintiffs (see paras 71, 91–93).
- F (5) There were facts adduced in the evidence which were not pleaded in the pleadings especially by the plaintiffs. It is trite law that parties are bound by their pleadings and the court is not in the position and could not
- G decided on issues not pleaded (see para 117 & 119).]
- H

**Nota-nota**

I Untuk kes mengenai liabiliti, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 967.

Untuk kes mengenai saham, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 5874.

Untuk kes-kes mengenai fakta material, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 6796–6811.

**Kes-kes yang dirujuk**

*ARL Associates Sdn Bhd & Ors v Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd* [2012] MLJU 1450; [2013] 3 MLRA 370, MR (dirujuk)

*Abdul Aziz bin Atan & 87 Ors v Ladang Rengo Malay Estate Sdn Bhd* [1985] 2 MLJ 165, MA (dirujuk)

*Eastern & Oriental Hotel (1951) Sdn Bhd v Ellarious George Fernandez & Anor* [1989] 1 MLJ 35, MA (dirujuk)

*Foo Sam Ming v Archi Environ Partnership* [2004] 1 MLJ 449, MR (dirujuk)

*Projek Lebu Raya Utara-Selatan Sdn Bhd v Kim Seng Enterprise (Kedah) Sdn Bhd* [2013] 5 MLJ 360; [2013] 6 CLJ 958, MR (dirujuk)

*Tindok Besar Estate Sdn Bhd v Tinjar Co* [1979] 2 MLJ 229, MP (dirujuk)

*Yee Weng Kai v Yam Kong Seng & Anor* [2013] 2 MLJ 575, MR (dirujuk)

*Yew Wan Leong v Lai Kok Chye* [1990] 2 MLJ 152, MA (dirujuk)

*Yee Teck Fah (Ong Gek Lin bersamanya) (Yee Teck Fah & Co) bagi pihak plaintiff-plaintif.*

*Alvin Lai (Sam Hou bersamanya) (Justin Voon Chooi & Wing) bagi pihak defendan-defendan.*

**Rosilah Yop PK:****KES PLAINTIF-PLAINTIF**

[1] Plaintiff pertama dan plaintiff kedua adalah syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar mereka di Room 803, 8th Floor, Sun Kompleks, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur dan suatu alamat perniagaan di No 26 & 27, Yee Seng Godown, Lot 3, Jalan 1/113A, Batu 4 1/2, Jalan Klang Lama, 58000 Kuala Lumpur.

[2] Defendan pertama adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di 62, Persiaran Kledang Timur 19, Bandar Baru Menglembu, 31450 Menglembu, Perak.

[3] Plaintiff kedua adalah bakal pembeli saham-saham biasa defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat ('saham jualan') di dalam modal saham defendan pertama.

[4] Defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat pada setiap masa yang material adalah pengarah-pengarah, pemegang-pemegang saham defendan pertama dan bakal penjual saham jualan.

[5] Semasa plaintiff kedua dan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat masih dalam perbincangan terma-terma dan syarat-syarat muktamad pembelian dan penjualan saham jualan, plaintiff pertama atas

**A** permintaan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat bersetuju dan membuat bayaran sebahagian harga jualan saham jualan berjumlah RM311,442.01 butir-butir penuh dalam pengetahuan defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat, butir-butir ringkas dinyatakan di bawah:

	Tarikh	No Cek	Butir-Butir	Jumlah
	<u>BU City</u>			
	9 April 2011	MBB 643235	Sewa One Utama Disember 2010	RM11,672.50
<b>C</b>	16 April 2011	MBB 643236	Sewa One Utama Disember 2010	RM11,672.50
	23 April 2011	MBB 643237	Sewa One Utama Januari 2011	RM11,672,50
	27 April 2011	MBB 643259	Sewa One Utama Februari 2011	RM23,345
	27 April 2011	MBB 643260	Sewa One Utama Mac 2011	RM23,345
<b>D</b>	27 April 2011	MBB 643261	Sewa One Utama April 2011	RM23,345
	30 April 2011	MBB 643238	Sewa One Utama Januari 2011	RM11,672.50
	<u>Lion Ipoh Parade</u>			
	12 April 2011	MBB 643246	Sewa Februari 2011	RM10,983.90
<b>E</b>	16 Mei 2011	MBB 643265	Sewa Mac 2011	RM10,983.90
	<u>Alliance Bank Bhd</u>			
	12 April 2011	MBB 643241	Kemudahan overdraf	RM8,378.83
<b>F</b>	12 April 2011	MBB 643242	Instalmen pinjaman	RM6,518.86
	<u>Public Bank Bhd</u>			
	12 April 2011	MBB 643243	Instalmen pinjaman berjangka	RM1,896
	18 April 2011	MBB transfer	Banker's acceptance yang perlu	RM50,000
<b>G</b>	<u>City Link Express</u>			
	12 April 2011	MBB 643245	Caj kurier	RM1,822.52
	<u>Pinjaman</u>			
	12 April 2011	MBB 643247	Kit-M Corp	RM3,431.65
	15 April 2011	MBB 643248	New Century Footwear Trading	RM4,368
	19 April 2011	PCB		
	15 April 2011		Jamila, promoter gaji Mac 2011	RM542.25
<b>I</b>	30 April 2011	MBB 643249	New Century Footwear Trading	RM5,184
	<u>Transporter / Pembekal / Material</u>			
	25 April 2011	MBB 643252	Jumei Enterprise Sdn Bhd	RM7,871.20
	25 April 2011	MBB 643253	Mid Sky Trading Sdn Bhd	RM2,590.80

26 April 2011	MBB 643258	Mabocnis Marketing	RM16,603	A
11 Mei 2011	MBB 643283	Mabocnis Marketing	RM7,264	
<u>Lembaqa Hasil Dalam Negeri</u>				
10 Mei 2011	MBB 643277	April 2011	RM2,234.25	B
<u>Gaji dibayar kepada pekerja-pekerja Blay International (M) Sdn Bhd</u>				
5 April 2011		Mac 2011	RM24,007.48	C
5 Mei 2011		April 2011	RM26,849.17	
<u>Telekom</u>				
11 April 2011	OC 000352	Bil-bil telefon Ipoh	RM662.80	
<u>Yuran Penyelenggaraan</u>				
12 April 2011	OC 000353	Agile — Smart SQL	RM1,600	D
<u>Telefon</u>				
20 April 2011	PCB			E
		16 April 2011 Yuran Penyambungan — dua talian	RM47	
<u>Nota debit dari PLH</u>				
1 April 2011		Blay Presentation Brand Expenses	RM800.40	F
1 April 2011		Blay Presentation Brand Expenses	RM77	
Jumlah Advanced			RM311,442.01	G

[6] Selanjutnya atau di dalam alternatif, jumlah sebanyak RM311,442.01 tersebut dibayar oleh plaintif pertama atas permintaan dan untuk defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat dengan jangkaan bahawa kesemua terma-terma dan syarat-syarat penjualan dan pembelian saham jualan akan dipersetujui dan suatu perjanjian penjualan saham yang formal akan ditandatangani oleh plaintif kedua dan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat.

[7] Plaintif kedua dan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat tidak dapat bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat muktamad penjualan dan pembelian saham jualan dan pembelian dan penjualan saham jualan yang diinginkan tidak terjadi dan tiada perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

- A [8] Oleh yang demikian, balasan untuk bayaran jumlah RM311,442.01 telah gagal sama sekali dan/atau defendan kedua, defendan ketiga, defendan keempat dan/atau defendan pertama telah mendapat dan menerima jumlah tersebut untuk kegunaan plaintif pertama dan/atau plaintif kedua.
- B [9] Oleh yang demikian, plaintif pertama dan/atau plaintif kedua menuntut terhadap defendan kedua, defendan ketiga, defendan keempat dan/atau defendan pertama bersama dan berasingan untuk jumlah sebanyak RM311,442.01.
- C KES DEFENDAN-DEFENDAN
- D [10] Defendan pertama adalah sebuah syarikat yang dimulakan sejak 1997 dan pernah berniaga di bawah jenama 'Blay' yang menjual kasut dan pernah mendapat banyak award dalam bidang penjualan kasut dan mempunyai perniagaan dan nama baik di seluruh dunia.
- E [11] Pada masa yang material, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat adalah pemegang saham dalam defendan pertama dan merupakan entiti berasingan dengan defendan pertama.
- F [12] Pada atau sekitar April 2011, terdapat suatu perbincangan untuk plaintif kedua untuk membeli keseluruhan saham-saham defendan-defendan kedua, ketiga dan keempat dalam syarikat defendan pertama dan terdapat draf perjanjian jual beli saham-saham telah disediakan.
- G [13] Pada atau sekitar April 2011 tanpa apa-apa perjanjian jual beli saham yang bertulis ditandatangani terlebih dahulu, plaintif-plaintif melalui Lim Min Chen dan Lim Chin Yee sendiri telah mengambil alih perniagaan defendan pertama dan plaintif pertama sendiri yang membuat bayaran bagi pihak defendan pertama kepada pemiutang-pemiutang dan/atau pembekal-pembekal untuk menyelesaikan hutang-hutang dan/atau liabiliti defendan pertama.
- H [14] Pada masa yang sama, plaintif pertama dan plaintif kedua sendiri melalui wakil-wakilnya mengambil alih dan memindah semua aset-aset defendan pertama secara fizikal dari gudang (*warehouse*) di Perak ke kilang/gudang plaintif-plaintif di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Bukan sahaja itu, plaintif-plaintif juga mengambil alih aset-aset dan inventori lain di kedai-kedai 'outlets' defendan pertama semasa tempoh wakil-wakil plaintif-plaintif menguasai pengurusan defendan pertama.
- I [15] Walau bagaimanapun, perjanjian penjualan saham oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat tidak dapat disempurnakan dan



tidak ditandatangani kerana plaintif kedua dengan tiba-tiba mengubah terma-terma dalam perjanjian tersebut dimana defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat tidak dapat boleh bersetuju dengan terma-terma baru. Oleh itu, langsung tiada apa-apa harga jualan dibayar oleh plaintif-plaintif untuk saham-saham tersebut kepada defendan-defendan.

A

B

[16] Di samping itu, plaintif pertama atau plaintif kedua tidak pernah membeli atau bersetuju untuk membeli apa-apa saham daripada defendan pertama. Defendan pertama juga tidak menerima 'sebahagian harga jualan Saham Jualan berjumlah RM311,442.01' daripada plaintif pertama untuk jualan saham dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik 'harga jualan' tersebut.

C

[17] Bayaran sejumlah RM311,442.01 (jika ada) yang dibuat oleh plaintif pertama bagi pihak defendan pertama kepada pembekal-pembekal dan/atau pemiutang-pemiutang defendan pertama bukan merupakan 'harga jualan' kepada defendan-defendan kedua, ketiga dan keempat untuk pembelian saham-saham oleh plaintif kedua.

D

[18] Sebelum tuntutan ini dibawa oleh plaintif-plaintif di dalam kes ini, suatu tuntutan untuk jumlah yang sama yang berdasarkan fakta-fakta dan transaksi yang sama juga pernah dibuat oleh plaintif pertama terhadap defendan-defendan (kecuali defendan keempat di sini) dalam suatu kes yang lain dengan Guaman No 22NCvC-568 Tahun 2011 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

E

F

[19] Walau bagaimanapun, tuntutan plaintif pertama dalam guaman tersebut telah pun ditolak oleh mahkamah pada 30 Mac 2012 selepas perbicaraan penuh. Rayuan plaintif pertama kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut juga telah ditolak.

G

[20] Oleh kerana itu, plaintif-plaintif telah sekali lagi membuat tuntutan di sini untuk jumlah tuntutan yang sama yang berdasarkan kausa tindakan yang lain terhadap defendan-defendan.

H

#### TUNTUTAN BALAS

[21] Pada hujung bulan Mei 2011, plaintif pertama dan/atau plaintif kedua telah memungkirkan dan memecah janji dan/atau kontrak untuk mengambil alih perniagaan defendan pertama apabila plaintif pertama dan plaintif kedua tiba-tiba telah berhenti daripada menjalankan perniagaan defendan dan membayar liabiliti-liabiliti defendan pertama dan sekaligus meninggalkan

I

**A** perniagaan defendan pertama termasuk operasi-operasi 'outlets' tersebut dan tidak membayar gaji kepada pekerja-pekerja mereka atau sewa premis 'outlets' tersebut.

**B** [22] Tindakan plaintif-plaintif dengan berhenti menjalankan perniagaan defendan dan meninggalkan perniagaan defendan pertama telah menyebabkan kerugian dan kerosakan yang amat serius dari segi kewangan kepada defendan pertama dan nama baik defendan-defendan.

**C** ISU-ISU UNTUK DIBICARAKAN

[23] Plaintif-plaintif telah membangkitkan isu-isu berikut untuk dibicarakan:

**D** (a) sama ada pembayaran sejumlah RM311,442.01 dibuat atas permintaan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat sebagai pembayaran sebahagian harta jualan untuk saham-saham jualan?;

**E** (b) sama ada sejumlah RM311,442.01 dibayar dengan jangkaan bahawa segala terma-terma dan syarat-syarat penjualan dan pembelian saham-saham jualan akan dipersetujui?;

(c) sama ada balasan untuk pembayaran jumlah sebanyak RM311,442.01 telah gagal sama sekali?; dan

**F** (d) sama ada defendan-defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat telah mendapat dan menerima sejumlah RM311,442.01 untuk kegunaan plaintif pertama dan/atau plaintif kedua?

[24] Manakala defendan-defendan membangkitkan isu-isu berikut untuk dibicarakan:

**G** (a) sama ada bayaran RM311,442.01 dibuat oleh plaintif pertama atas permintaan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat sebagai sebahagian bayaran untuk saham-saham jualan?;

**H** (b) sama ada bayaran RM311,442.01 itu dibuat sebagai antisipasi yang terma-terma serta syarat-syarat perjanjian jual beli saham akan dipersetujui?;

(c) sama ada terdapat balasan untuk bayaran RM311,442.01 oleh plaintif pertama?;

**I** (d) sama ada pemegang-pemegang saham (defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat) bertanggung untuk liabiliti bagi defendan pertama?; dan

- (e) sama ada plaintif pertama dan plaintif kedua telah mengambil alih perniagaan defendan pertama dan memungkiri untuk melaksanakan perjanjian penjualan saham dan menyebabkan defendan-defendan alami kerugian. **A**

#### PENILAIAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH **B**

[25] Kedua-dua pihak membangkitkan isu sama ada bayaran sebanyak RM311,442.01 yang dikatakan dibuat oleh plaintif pertama itu sama ada dibuat atas permintaan daripada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat sebagai sebahagian bayaran bagi harga jualan saham-saham jualan. **C**

[26] Pihak plaintif-plaintif menghujahkan yang bayaran RM311,442.01 itu dibuat atas permintaan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. **D**

[27] Defendan-defendan menghujahkan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat tidak pernah meminta plaintif pertama untuk membuat bayaran sebahagian harga jualan saham jualan berjumlah RM311,442.01. Jumlah RM311,442.01 tidak pernah diterima oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. Bayaran RM311,442.01 bukan merupakan sebahagian bayaran harga jualan untuk plaintif kedua membeli saham dalam defendan pertama daripada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. **E**  
**F**

[28] Bayaran itu dibuat oleh plaintif pertama bagi pihak defendan pertama kepada pembekal-pembekal dan/atau pemiutang-pemiutang defendan pertama dan bukan bayaran untuk harga jualan saham oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. **G**

[29] Antara fakta-fakta penting yang tidak dipertikaikan adalah seperti berikut:

- (a) defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat merupakan pemegang saham individu di dalam defendan pertama — *Ikatan Ems* 468–482; **H**
- (b) plaintif kedua bercadang untuk membeli saham-saham defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat di dalam defendan pertama; **I**
- (c) draf perjanjian penjualan saham (sale shares agreement) telah pun disediakan;

- A (d) perjanjian penjualan saham ('PPS') tidak ditandatangani dan saham defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat tidak dipindah milik kepada plaintif kedua;
- B (e) plaintif kedua tidak pernah membayar apa-apa harga belian saham kepada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat;
- (f) plaintif pertama bukan merupakan pihak kepada kontrak ataupun pembeli kepada PPS antara plaintif kedua dan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat; dan
- C (g) defendan pertama bukan merupakan pihak dalam PPS.

[30] Mengikut keterangan SD3, SD4 dan SD5, mereka tidak pernah meminta plaintif pertama untuk membuat bayaran kepada mereka sebagai sebahagian bayaran untuk pembelian saham mereka.

D

[31] Keterangan-keterangan SD3, SD4 dan SD5 ini telah disokong oleh dokumen-dokumen semasa (*contemporaneous documents*). Keempat-empat draf PPS iaitu pada Ikatan Dokumen D ms 275, 320, 353 dan 393 di mana klausa 4.1(a) memperuntukkan bahawa 'upon the execution of this Agreement, the deposit shall be paid by the Purchaser to the Vendor's solicitors ...'

E

[32] Juga menyatakan bahawa 'the balance purchase price for the Sale Shares is only required to be paid *after* the execution of the Sale Shares Agreement'.

F

[33] Selanjutnya telah dipersetujui oleh SP1 semasa disoal balas yang plaintif kedua telah pun bersetuju dengan syarat-syarat dan terma-terma yang terdapat di dalam salinan bersih (*fair copy*) PPS (Ikatan D ms 394–430) yang disediakan oleh peguam plaintif kedua.

G

[34] Keseluruhan jumlah harga jualan saham-saham defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat ialah RM803,125 mengikut keempat-empat draf PPS.

H

[35] Dari keterangan SD7, beliau menyatakan dari jumlah RM803,125 tersebut, tidak ada pengurangan keseluruhan jumlah tersebut sekiranya dikatakan yang plaintif pertama telah membayar sebanyak RM311,422.01 untuk pembelian saham tersebut.

I

[36] Seperti yang diplidkan pada perenggan 5 penyata tuntutan semasa bayaran dibuat pada bulan April 2011 kecuali empat bayaran dibuat pada bulan Mei 2011. Manakala draf PPS ketiga dan keempat telah disediakan pada 4 Mei 2010 dan 12 Mei 2011 dan tidak ada apa-apa penolakan jumlah harga

belian sekiranya dikatakan plaintif pertama telah membayar untuk sebahagian daripada harga jualan saham-saham defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. A

[37] Seawal April 2011, plaintif pertama telah membuat bayaran kepada penghutang-penghutang, pekerja-pekerja, tuan punya premis sewaan defendan pertama bagi pihak defendan pertama dan membuat bayaran sebagai pendahuluan atau pinjaman untuk membayar hutang atau liabiliti pihak defendan pertama. Tidak ada bayaran RM311,442.01 ini dibayar kepada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. B  
C

[38] Dokumen-dokumen membuktikan bayaran yang dibuat oleh plaintif pertama bagi pihak defendan pertama berkenaan adalah:

- (a) *debit note* bertarikh 1 April 2011 — Ikatan B ms 283; D
- (b) bayaran gaji pekerja defendan pertama untuk bulan Mac 2011 — Ikatan B ms 1, 4, 16–17 dan 50;
- (c) baucar bayaran bertarikh 12 April 2011 — Ikatan B ms 24 dan cek bertarikh 5 April 2011 — Ikatan B ms 15; E
- (d) baucar bayaran seperti ditunjukkan dalam Ikatan B ms 18–19, 23, 25, 27–29, 33–39, 41–42 dan 51;
- (e) baucar tunai dan baucar bayaran seperti ditunjukkan pada Ikatan B ms 20–22, 31 dan 49; dan F
- (f) plaintif pertama telah menyediakan baucar tunai dan telah mengeluarkan cek defendan pertama kepada plaintif pertama untuk bayaran pinjaman dan bayaran bagi pihak defendan pertama.

[39] SP1 di dalam keterangan beliau semasa disoal balas akui yang bayaran dibuat kepada pembekal, penghutang dan tuan punya premis sewaan defendan pertama oleh plaintif kedua adalah untuk membayar liabiliti defendan pertama. G

[40] Semua bayaran-bayaran di atas dibuat oleh plaintif pertama adalah bagi pihak defendan pertama dan juga pinjaman kepada defendan pertama untuk menyelesaikan liabiliti defendan pertama. H

[41] Selanjutnya, mengikut keterangan dokumen dari notis tuntutan peguam plaintif pertama sendiri menyatakan pada Ikatan B ms 53–55, antaranya seperti berikut: I

Our client instructs us that *your client agreed and made several advances/loan to you* (Defendan Pertama) amounting to the sum of RM311,484.26.

- A [42] Di dalam notis tuntutan plaintif pertama kepada defendan kedua dan defendan ketiga sahaja (Ikatan B ms 65–66) tidak pernah menuntut yang wang berjumlah RM311,442.01 itu sebagai sebahagian bayaran untuk PPS. Sebaliknya menuntut untuk bayaran yang plaintif pertama ‘made several advances/loans to Blay International (M) Sdn Bhd (Defendan Pertama)’.
- B [43] Dari keterangan-keterangan di atas, saya dapati dakwaan plaintif-plaintif yang bayaran RM311,442.01 itu sebagai sebahagian bayaran untuk PPS adalah tidak berasas dan tidak konsisten dengan keterangan dokumen-dokumen semasa.
- C [44] Keterangan dokumen-dokumen semasa adalah lebih berkemungkinan (*probable*) dan perlu dinilai berbanding dengan keterangan lisan yang tidak konsisten yang diberikan oleh saksi-saksi plaintif. Mahkamah tidak akan mengambil kira versi kes plaintif-plaintif yang jelas tidak konsisten dengan keterangan dokumen-dokumen semasa yang tidak dinafikan — rujuk kes-kes *Tindok Besar Estate Sdn Bhd v Tinjar Co* [1979] 2 MLJ 229, *Foo Sam Ming v Archi Environ Partnership* [2004] 1 MLJ 449 (MR).
- D [45] Di dalam kes *Eastern & Oriental Hotel (1951) Sdn Bhd v Ellarious George Fernandez & Anor* [1989] 1 MLJ 35 ms 37, Mahkamah Agong menyatakan:
- ... the relevancy of contemporaneous documents nevertheless holds true.
- E [46] Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang disokong dengan prinsip undang-undang di atas, saya dapati bayaran RM311,442.01 adalah jelas dibuat oleh plaintif pertama bagi pihak defendan pertama untuk selesaikan liabiliti defendan pertama dan bayaran RM311,442.01 itu adalah jelas tidak untuk pembayaran sebahagian dari harga-harga saham untuk PPS kepada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat.
- F [47] Dari keterangan SD2, SD4 dan SD5 yang menyokong antara satu sama lain bahawa mereka tidak pernah meminta plainif-plaintif untuk membuat bayaran sebahagian harga jualan saham jualan kepada mereka ataupun defendan pertama. Maka dengan itu saya putuskan tidak dibuktikan oleh plaintif-plaintif yang pembayaran sejumlah RM311,442.01 itu dibuat atas permintaan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat ataupun defendan pertama sebagai pembayaran sebahagian harga jualan saham untuk PPS.
- G [48] Dengan itu juga saya dapati bahawa bayaran yang dikatakan berjumlah RM311,442,01 dibayar tidak dibuat sebagai antisipasi yang terma-terma serta syarat-syarat PPS akan dipersetujui.
- H
- I

[49] Adalah kes plaintif-plaintif yang diplidkan bahawa wang berjumlah RM311,422.01 itu adalah bayaran sebahagian harga jualan saham jualan oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat atau secara alternatif atas permintaan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat bahawa bayaran tersebut sebagai antisipasi yang syarat-syarat PPS akan dipersetujui.

A  
B

[50] Saya dapati plaintif-plaintif gagal untuk buktikan kes plaintif-plaintif yang diplidkan yang bayaran RM311,442.01 adalah untuk bayaran sebahagian harga jualan saham jualan oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat atau secara alternatif atas permintaan bayaran tersebut sebagai antisipasi yang syarat-syarat PPS akan dipersetujui.

C

[51] Dari keterangan dokumen-dokumen semasa dan disokong oleh keterangan SD3, SD4 dan SD5 menunjukkan bayaran RM311,442.01 dibuat bagi pihak defendan pertama untuk selesaikan liabiliti defendan pertama.

D

[52] Adalah undang-undang mantap bahawa pihak-pihak litigan adalah terikat dengan pliding yang difailkan. Mahkamah juga terikat dengan pliding yang difailkan untuk mempertimbangkan sesuatu kes dan mahkamah tidak berhak dan tidak akan membuat keputusan pada isu-isu yang tidak diplidkan.

E

[53] Tidak dinafikan oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat bahawa sejumlah RM311,442.01 telah dibayar oleh plaintif pertama sendiri bagi pihak defendan pertama untuk selesaikan liabiliti defendan pertama. Bayaran dibuat oleh plaintif pertama sendiri seperti yang diplidkan dalam perenggan 5 penyata tuntutan plaintif-plaintif. Bayaran tidak dibuat kepada defendan kedua, defendan ketiga atau defendan keempat. Tidak ada keterangan yang bayaran dibuat dan digunakan oleh defendan kedua, defendan ketiga atau defendan keempat. Adalah jelas plaintif-plaintif tidak dapat membuktikan bahawa wang berjumlah RM311,422.01 itu adalah bayaran sebahagian harga jualan saham jualan oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat atau secara alternatif atas permintaan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat bahawa bayaran tersebut sebagai antisipasi yang syarat-syarat PPS akan dipersetujui seperti yang diplidkannya. Maka dengan itu persoalan sama ada terdapat balasan untuk bayaran RM311,442.01 itu adalah tidak relevan lagi.

F

G

H

[54] Sama ada pemegang-pemegang saham (defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat) bertanggung untuk liabiliti defendan pertama.

I

[55] Adalah tidak dinafikan bahawa defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat adalah pemegang saham dalam defendan pertama.

- A [56] Adalah undang-undang mantap bahawa syarikat adalah entiti undang-undang yang berbeza dan berasingan daripada pemegang saham.
- [57] Di dalam kes *Abdul Aziz bin Atan & 87 Ors v Ladang Rengo Malay Estate Sdn Bhd* [1985] 2 MLJ 165, mahkamah memutuskan:
- B It is trite law that an incorporated company is a legal person separate and distinct from the shareholders of the company.
- [58] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Yee Weng Kai v Yam Kong Seng & Anor* [2013] 2 MLJ 575 memutuskan:
- C It is trite that a company and its officers as well as the shareholders are separate legal entities (see *Solomon v Solomon & Co. Ltd* [1895-9] All ER Rep 33). A company which has been validly incorporated under the law is a legal entity separate and distinct from the officers and its shareholders.
- D [59] Di dalam kes *ARL Associates Sdn Bhd & Ors v Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd* [2012] MLJU 1450; [2013] 3 MLRA 370, Mahkamah Rayuan memutuskan:
- E The law is trite that a company is a totally separate and distinct entity to that of its directors and shareholders.
- ... Thus, when a company incurs a contractual obligation or a liability in tort, that obligation or liability is that of the company and not of its members or officers.
- F [60] Defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat cuma pemegang saham dalam defendan pertama, maka dengan berpandukan dengan autoriti di atas dan dengan liabiliti yang ditanggung oleh defendan pertama, maka defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat sebagai pemegang saham dalam defendan pertama tidak boleh dipertanggung dengan liabiliti-liabiliti yang ditanggung oleh defendan pertama.
- G [61] Daripada keterangan yang dikemukakan, saya dapati tidak ada priviti kontrak di antara plaintif pertama dengan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. Adalah fakta yang tidak dinafikan bahawa PPS yang ingin dilaksanakan itu adalah di antara plaintif kedua dengan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat. Plaintif pertama bukanlah pihak pada PPS yang ingin dilaksanakan antara plaintif kedua dengan defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat itu.
- H [62] Maka dengan itu, saya dapati plaintif pertama tidak berhak untuk menuntut terhadap defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat kerana tuntutan wang berjumlah RM311,442.01 yang dikatakan sebagai sebahagian bayaran untuk PPS.
- I



- [63] Sama ada plaintif-plaintif telah mengambil alih perniagaan defendan pertama dan menyebabkan defendan-defendan alami kerugian. **A**
- [64] Sebelum PPS disediakan dan kemudian disediakan dan beberapa kali telah dipinda telah terdapat hubungan surat menyurat di antara peguam plaintif-plaintif dan defendan-defendan. Deraf terakhir PPS telah dihantar oleh peguam plaintif-plaintif kepada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat adalah melalui surat bertarikh 12 Mei 2011 (Ikatan D ms 391–430). **B**
- [65] Plaintif pertama dan plaintif kedua adalah dua syarikat yang berkaitan yang mempunyai pengarah yang sama. Defendan-defendan menyatakan mulai 1 April 2011, pihak plaintif telah mengambil alih perniagaan defendan pertama dan memindahkan stok defendan pertama di Menglembu, Perak ke gudang plaintif-plaintif di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun atas kegagalan PPS ditandatangani oleh kedua-dua pihak, plaintif-plaintif telah meninggalkan perniagaan defendan pertama yang telah diambil alih dan menyebabkan defendan-defendan telah alami kerugian. **C**
- [66] Manakala plaintif menghujahkan yang plaintif-plaintif tidak pernah mengambil alih perniagaan defendan pertama dan tiada stok-stok defendan pertama dipindahkan dari gudang defendan pertama di Menglembu, Perak ke gudang defendan-defendan di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur serta penandatanganan cek-cek defendan-defendan tidak pernah ditukar kepada plaintif-plaintif. **D**
- [67] Keterangan SD3 yang disokong oleh keterangan SD5 menyatakan bahawa wakil plaintif-plaintif iaitu Lim Min Chin telah meminta SD3 dan SD5 untuk menghantar semua aset-aset boleh alih kepunyaan defendan pertama dari Menglembu, Perak ke gudang plaintif-plaintif yang terletak di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. **E**
- [68] Aset-aset tersebut termasuklah: **F**
- (a) komputer, server komputer, stok-stok, *seal* defendan pertama, sijil cap dagang, buku-buku cek dan lejar defendan pertama — Ikatan F ms 526–535. **G**
- [69] Melalui surat peguam plaintif-plaintif bertarikh 30 Mei 2011 (Ikatan B ms 4) menunjukkan yang dokumen-dokumen serta cek-cek defendan pertama telah berada di dalam posesi plaintif-plaintif. **H**
- [70] Semasa SP1 disoal balas, beliau akui yang stok-stok defendan pertama telah disimpan di dalam gudang plaintif-plaintif. **I**

- A** [71] Daripada keterangan yang dikemukakan, saya dapati yang plaintiff pertama membayar liabiliti defendan pertama terhadap penghutang-penghutangnya, bayaran sewa kepada premis-premis sewaan defendan pertama, bayaran utiliti serta bayaran kepada pembekal-pembekal defendan pertama kerana plaintiff-plaintif hendak mengambil alih perniagaan defendan pertama secepat mungkin.
- B**
- C** [72] Bagi tujuan mengambil alih perniagaan defendan pertama oleh plaintiff-plaintif ini, plaintiff-plaintif telah menukar alamat defendan pertama daripada Menglembu, Perak ke alamat plaintiff-plaintif di 22 & 27, Lot 3, Yee Seng Godown, Jalan 1/113A, Batu 4 1/2, Jalan Klang Lama, 58000 Kuala Lumpur.
- D** [73] E-mel bertarikh 12 April 2011 (Ikatan F ms 545–546) telah menyertakan notis penukaran alamat untuk Blay iaitu defendan pertama ke alamat plaintiff-plaintif di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.
- E** [74] E-mel bertarikh 12 April 2011 telah dibuat oleh Gin Wong iaitu pengurus akaun plaintiff-plaintif yang tandatangani notis penukaran alamat bagi pihak defendan pertama (Ikatan F ms 546).
- F** [75] Notis penukaran alamat yang dihantar kepada pembekal dan pelanggan-pelanggan antaranya berbunyi:  
Please be informed that Blay International Sdn. Bhd. is located at the following address from 1st April 2011:
- G** 26 & 27, Lot 3 Yee Seng Godown,  
Jalan1/113A,Blok4½,  
Jalan Klang Lama,  
58000 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: +603-7982 2522  
Fax:+603-7987 6811
- H** Kindly update your record accordingly and forward all correspondences to the above address.
- I** [76] Jelas menunjukkan sejak 1 April 2011, alamat defendan pertama dari Menglembu, Perak telah bertukar ke alamat-alamat plaintiff-plaintif di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.

- [77] Di antara surat lain yang alamat baru defendan pertama di Jalan Klang Lama telah digunakan sejak April 2011 — surat-surat ini menyokong surat dalam Ikatan F ms 546 yang alamat defendan pertama telah bertukar ke alamat plaintif-plaintif di Jalan Klang Lama. **A**
- [78] Keterangan surat-surat yang menyokong ini adalah di Ikatan F ms 536, Ikatan B ms 44, Ikatan F ms 542, 551, 569 dan Ikatan G ms 755. **B**
- [79] Juga dibuktikan melalui keterangan dokumen-dokumen di Ikatan F ms 536–541 dan 577–581 bahawa perlantikan pekerja-pekerja defendan pertama di mana surat pelantikan tersebut telah ditandatangani oleh Hazel Lim. Hazel Lim adalah pengurus sumber manusia plaintif-plaintif, juga adik kepada SP1 dan SP2. **C**
- [80] Sejak 1 April 2011, Hazel Lim telah terlibat dalam perkara-perkara yang melibatkan sumber manusia dalam pelantikan pekerja-pekerja bagi defendan pertama. **D**
- [81] Mengikut keterangan SD3 dan SD5 mereka telah ditawarkan jawatan baru oleh plaintif-plaintif yang bertindak bagi pihak defendan pertama. Jawatan baru telah diterima oleh SD3 sebagai pengurus jualan dan pemasaran, sementara itu SD5 telah menerima tawaran jawatan pengurus dagangan. Keterangan SD2 dan SD3 ini disokong oleh slip gaji mereka pada Ikatan F ms 567–568. **E**
- [82] Plaintif-plaintif juga telah membuat bayaran untuk pembelian stok bagi pihak defendan pertama. Fakta ini disokong oleh keterangan dokumen seperti dalam Ikatan B ms 1–52. **F**
- [83] Mengikut keterangan SD3 dan SD5, plaintif-plaintif telah menerima barang-barang dan stok-stok yang dipesan oleh defendan pertama dari pembekal-pembekal dengan cop akuan terima dari BRG Polo Haus Sdn Bhd. Keterangan SD3 dan SD5 ini disokong oleh keterangan dokumen pada Ikatan F ms 547, 756, 767, 752–753, 563 dan 751. Juga di dalam Ikatan G ms 754. **G**
- [84] Pihak plaintif pertama juga telah menyediakan baucar tunai dan sediakan cek defendan pertama kepada plaintif pertama untuk pembayaran baki pinjaman bagi pihak defendan pertama — Ikatan F ms 611–616. **H**
- [85] Selain daripada itu, plaintif pertama juga telah memohon lesen dari pihak berkuasa (Ikatan F ms 553–561) dengan menggunakan nama defendan pertama, plaintif-plaintif juga telah masukkan outlet defendan pertama di **I**

- A dalam permohonan berkenaan untuk permohonan lesen jualan murah untuk tempoh 23 Mei 2011–16 Jun 2011 (Ikatan F ms 560–561).
- [86] Berdasarkan keterangan-keterangan di atas yang disokong oleh keterangan-keterangan dokumen-dokumen semasa adalah tidak berasas untuk
- B plaintiff-plaintif menyatakan yang mereka tidak mengambil alih perniagaan defendan pertama.
- [87] Saya dapati daripada keterangan-keterangan saksi defendan-defendan yang disokong dengan keterangan-keterangan dokumen yang tidak
- C dipertikaikan oleh plaintiff-plaintif, plaintiff-plaintif telah mengambil alih perniagaan defendan pertama.
- [88] Mengikut keterangan SD3 yang disokong oleh keterangan SD5, SP1 dan SP2 bahawa sejak pertengahan Mei 2011, PPS tidak dapat dilaksanakan
- D kerana tiada persetujuan daripada pihak-pihak.
- [89] Plaintiff kedua melalui SP1 dan SP2 hendak mengubah terma-terma dan syarat-syarat PPS untuk mengurangkan bayaran balasan pembelian
- E saham-saham kepada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat dan ini telah ditolak oleh defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat.
- [90] Berikutan daripada itu, plaintiff kedua enggan untuk membeli
- F saham-saham daripada defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat berdasarkan harga jualan yang telah pun dipersetujui walaupun plaintiff-plaintif telah pun terlebih dahulu mengambil alih dan menjalankan perniagaan defendan pertama.
- [91] SD3 dan SD5 di dalam testimoni mereka dan tidak disangkal oleh
- G plaintiff-plaintif disebabkan kegagalan untuk melaksanakan PPS berkenaan pada penghujung Mei 2011 plaintiff-plaintif secara tiba-tiba telah berhenti daripada menjalankan perniagaan defendan pertama dan membayar liabiliti defendan pertama dan sekaligus telah meninggalkan perniagaan defendan pertama yang telah mereka ambil alih. Operasi-operasi *outlet* defendan pertama telah
- H ditinggalkan begitu sahaja oleh plaintiff-plaintif dan pekerja-pekerja tidak dibayar gaji serta sewaan *outlet* tidak berbayar.
- [92] Semua aset-aset dan stok-stok yang diambil oleh plaintiff-plaintif tidak
- I dikembalikan kepada defendan-defendan. Akibat daripada ini, defendan-defendan telah alami kerosakan dan kerugian. Saya dapati plaintiff-plaintif telah memungkirkan PPS yang ingin mereka laksanakan dengan mengubah syarat-syarat dan terma-terma PPS yang telah pun dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

[93] Atas kemungkiran pelaksanaan PPS oleh plaintif-plaintif dan plaintif-plaintif telah berhenti daripada menjalankan perniagaan defendan pertama yang telah mereka ambil alih itu menyebabkan defendan-defendan telah alami kerosakan dan kerugian dan saya berpendapat defendan-defendan berhak untuk diganti rugikan oleh plaintif-plaintif.

A

B

[94] Defendan-defendan telah menuntut balas terhadap plaintif-plaintif atas kerosakan dan kerugian yang mereka alami.

[95] Di dalam tuntutan balas defendan-defendan, defendan-defendan menuntut:

C

(a) hutang yang dilakukan oleh plaintif-plaintif setelah mengambil alih perniagaan defendan pertama dari awal April 2011 hingga hujung Mei 2011. Hutang-hutang tersebut termasuklah:

D

– Gaji yang dibayar ..... RM20,376.30

– Sewa yang dibayar ..... RM36,528.90

– Bayaran balik pinjaman dan faedah kepada bank ..... RM22,284

– Perbelanjaan pengangkutan dan telefon ..... RM 447.20

E

– Bayaran kepada pembekal ..... RM37,340

JUMLAH ..... RM116,976.40

F

(b) kehilangan stok dan aset yang telah pun berada dalam posesi plaintif-plaintif dan stok-stok baru yang dibekalkan terus oleh pembekal-pembekal ke gudang plaintif-plaintif;

(c) kehilangan keuntungan;

G

(d) gantirugi untuk nama baik dan reputasi defendan-defendan telah tercemar dan pembekal serta pelanggan sudah tidak mempunyai keyakinan kepada defendan-defendan yang mana produk-produk defendan pertama merupakan satu jenama yang dikenali sebelum ini.

H

(i) *Tuntutan bagi hutang-hutang seperti di (a)*

[96] Jumlah yang dituntut dalam para (a) di atas merupakan ganti rugi khas yang perlu dibuktikan secara khusus oleh defendan-defendan. Saya dapati tiada keterangan untuk pembuktian bagi tuntutan di (a) ini. Dengan itu defendan-defendan gagal buktikan tuntutan di (a) ini.

I

(ii) *Tuntutan untuk kehilangan stok dan aset lama serta barangan dan stok baru*

- A** [97] Tuntutan untuk kehilangan stok dan aset yang telah pun berada dalam posesi plaintif-plaintif (stok lama) dan stok-stok yang dibekalkan terus kepada gudang plaintif-plaintif (stok baru).
- B** [98] Telah dibuktikan oleh defendan-defendan yang plaintif-plaintif telah mengambil alih perniagaan defendan pertama pada 1 April 2011 dan setelah plaintif-plaintif meninggalkan perniagaan defendan pertama, segala stok-stok yang diambil dahulu tidak dikembalikan. Juga stok-stok baru yang dipesan plaintif-plaintif bagi pihak defendan pertama terus dihantar ke gudang plaintif-plaintif di Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur. Semua stok-stok ini tidak dikembalikan kepada defendan-defendan selepas plaintif-plaintif meninggalkan perniagaan defendan pertama. Nilai aset dan stok defendan pertama yang diambil alih plaintif-plaintif pada 1 April 2011 seperti dinyatakan dalam Ikatan F ms 526–535. Dokumen ini tidak dipertikaikan oleh plaintif-plaintif.
- C**
- D** [99] Plaintif-plaintif gagal menyangkal keterangan SD3 dan keterangan dokumen ini yang nilai aset dan stok lama yang diambil oleh plaintif-plaintif adalah bernilai RM189,271.30.
- E** [100] Keterangan ini tidak dapat disangkal oleh plaintif-plaintif.
- F** [101] Pihak plaintif-plaintif telah juga menerima barangan dan stok yang dipesan oleh defendan pertama daripada pembekal-pembekal beliau. Keterangan ini datangnya daripada SD3 dan disokong oleh keterangan SD4 juga D3, D6, D8, D7, D9, D4, D5, Ikatan F ms 563. Semua eksibit-eksibit ini membuktikan yang barangan dan stok yang dipesan oleh defendan pertama dari Mabocnis Marketing dan barang-barang dan stok telah dihantar ke gudang plaintif-plaintif di Jalan Klang Lama dan diterima oleh plaintif-plaintif dengan cop akuiterima atas nama BRG Polo Haus Sdn Bhd. SD4 sebagai tuannya Mabocnis Marketing telah menyatakan yang beliau telah mengesahkan yang stok-stok dan barangan yang dipesan dalam eksh D3, D6, D8, D7, D9, D4, D5. Ikatan I ms 563 yang dikeluarkan oleh Mabocnis telah dihantar ke gudang plaintif-plaintif di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.
- G**
- H**
- I** [102] Untuk barangan-barangan dan stok-stok baru yang dihantar dan diterima oleh plaintif-plaintif, Mabocnis Marketing telah keluaran inouis-inouis berikut atas nama defendan pertama. Inouis-inouis tersebut adalah seperti di dalam Ikatan F ms 544, 548, 564, 598 dan 617.
- [103] SD4 juga di dalam keterangan beliau mengesahkan yang Mabocnis Marketing telah mengeluarkan penyata akaun bertarikh 30 April 2011 (Ikatan F ms 565) dan bertarikh 31 Mei 2011 (Ikatan F ms 628) untuk jumlah

sebanyak RM71,695. Penyata-penyata akaun ini cuba disangkal oleh plaintif-plaintif. SD4 disoal balas mengenai semua invois-invois, nota-nota penghantaran (*delivery order*) dan penyata akaun tetapi keterangan SD4 adalah konsisten dan tidak ada sebab untuk saya tidak mempercayai keterangan saksi ini. Keterangan beliau saya dapati adalah keterangan yang kredible.

A

B

[104] Jumlah keseluruhan barangan dan stok baru mengikut penyata akaun bagi barang-barang yang dijual kepada defendan pertama (dalam masa plaintif-plaintif ambil alih perniagaan defendan pertama) dan diserahkan ke gudang plaintif-plaintif di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur adalah berjumlah RM71,695. Jumlah ini tidak dapat disangkal oleh plaintif-plaintif.

C

[105] Dengan itu jumlah kerugian aset lama dan baru oleh defendan-defendan adalah sebanyak RM260,966.30. Jumlah aset lama ialah RM189,271.30 dan jumlah barang dan stok baru ialah RM71,695 (perkiraananya RM189,271.30 + RM71,695 = RM260,966.30).

D

*(iii) Kehilangan keuntungan*

[106] Defendan-defendan juga menuntut untuk kehilangan keuntungan. Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan, saya dapati tiada keterangan dokumen yang boleh menyokong keterangan SD3 yang defendan pertama telah alami kehilangan keuntungan semasa plaintif-plaintif ambil alih perniagaan defendan pertama. Atas imbalan kebarangkalian, saya dapati tuntutan untuk kehilangan keuntungan ini tidak dapat dibuktikan.

E

F

*(iv) Tuntutan untuk ganti rugi untuk nama baik dan reputasi defendan-defendan telah tercemar dan pembekal-pembekal serta pelanggan tidak mempunyai keyakinan kepada defendan-defendan lagi*

G

[107] Pihak plaintif-plaintif hanya menghujahkan yang defendan-defendan gagal untuk membuktikan tuntutan balas defendan-defendan terhadap plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif hujahkan tidak ada keterangan atau keterangan yang mencukupi untuk menyokong tuntutan balas defendan-defendan.

H

[108] Defendan-defendan menghujahkan akibat dari tindakan plaintif-plaintif meninggalkan perniagaan defendan pertama yang mana telah pun diketahui oleh pembekal-pembekal defendan-defendan dan tidak melepaskan stok-stok dan aset-aset defendan-defendan telah menyebabkan defendan pertama tidak dapat berfungsi dan beroperasi seperti sediakala menyebabkan nama baik defendan-defendan telah tercemar dan terjejas.

I

- A** [109] SD3, SD4 dan SD5 di dalam keterangan mereka yang disokong oleh dokumen dalam Ikatan C ms 261–271 menyatakan yang defendan pertama mempunyai cap dagang ‘Blay’ yang telah pun dikenali di Malaysia dan luar negara termasuklah di Singapura, Indonesia, United Arab Emirates, China, Taiwan, Saudi Arabia dan lain-lain lagi.
- B** [110] Fakta ini juga telah diakui oleh SP2 semasa disoal balas yang mana beliau akui jenama ‘Blay’ telah ada jenamanya di Malaysia dan luar negara.
- C** [111] Tidak ada keterangan sokongan selain dari keterangan *self-serving* dari SD3, SD4 dan SD5 sahaja yang defendan pertama serta defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat telah tercemar reputasi mereka juga nama baik defendan pertama telah tercemar. Saya dapati tidak cukup keterangan yang dikemukakan untuk mahkamah awardkan ganti rugi untuk reputasi dan tercemarnya nama baik defendan-defendan.
- D** GUAMAN NO 22NCVC-568 TAHUN 2011
- E** [112] Pihak defendan-defendan ada menghujahkan bahawa suatu tuntutan berdasarkan fakta-fakta dan transaksi yang sama pernah dibuat oleh plaintif pertama terhadap defendan-defendan (kecuali defendan keempat di sini) dalam Guaman No 22NCvC-568 Tahun 2011 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan plaintif-plaintif dan plaintif-plaintif telah merayu ke Mahkamah Rayuan tetapi rayuan juga telah ditolak.
- F** [113] Dengan itu hujah beliau, prinsip estoppel terpakai di dalam kes ini.
- G** [114] Plaintif-plaintif menghujahkan bahawa mereka tidak diestop untuk menuntut terhadap defendan-defendan kerana membawa atas kausa tindakan yang berbeza.
- H** [115] Dalam kes 22NCvC-568 tahun 2011 tuntutan adalah berdasarkan pinjaman persahabatan (*friendly loan*) tetapi di dalam tindakan ini adalah untuk tuntutan kerugian sebahagian harga jualan saham jualan berjumlah RM311,442.01 dengan antisipasi PPS untuk ditandatangani.
- I** [116] Atas isu ini, saya bersetuju dengan hujah peguam plaintif-plaintif yang mereka tidak diestop untuk menuntut terhadap defendan-defendan di dalam tindakan ini kerana plaintif-plaintif membuat tuntutan terhadap defendan-defendan atas kausa tindakan yang berbeza.



## FAKTA MATERIAL MESTI DIPLIDKAN

A

[117] Terdapat fakta-fakta yang dikemukakan dalam keterangan tidak diplidkan di dalam pliding terutamanya dari pihak plaintif-plaintif.

B

[118] Plaintif-plaintif telah cuba masukkan keterangan mengenai dengan mesyuarat pada 18 Mac 2011 dan defendan pertama mempunyai masalah kewangan. Semua ini tidak diplidkan oleh plaintif-plaintif di dalam plidingnya.

C

[119] Fakta-fakta yang tidak diplidkan ini saya tidak memberi pertimbangan. Adalah undang-undang mantap bahawa pihak-pihak terikat dengan pliding masing-masing dan mahkamah tidak berhak dan tidak akan membuat keputusan pada isu-isu yang tidak diplidkan.

D

[120] Di dalam kes *Projek Lebuhraya Utara-Selatan Sdn Bhd v Kim Seng Enterprise (Kedah) Sdn Bhd* [2013] 5 MLJ 360; [2013] 6 CLJ 958 Mahkamah Rayuan memutuskan bagi isu yang tidak diplidkan bahawa:

E

That the court is not entitle and should not decide a suit on an issue which is not pleaded. In short, the trial of the suit must be confined to the pleadings (*Yew Wan Leong v Lai Kok Chye* [1990] 2 MLJ 152 (SC) at 154) and the pleadings operate to effectively define and delimit with absolute clarity and precision the real matters in controversy between the parties. In this way, the parties could prepare their respective cases and the court too will adjudicate on those issues and no more (*Asia Hotel Sdn Bhd v Malayan Insurance (M) Sdn Bhd* [1992] 2 MLJ 615; *S Manickam & Ors v Ismail bin Mohamad & Ors* [1997] 2 ML J 90; *Narayanan v Kannamah* [1993] 3 MLJ 730; *Anjalai Ammal & Anor v Abdul Kareem* [1969] 1 MLJ 22 (FC); *Muniandy & Anor v Muhammad Abdul Kader & Ors* [1989] 2 MLJ 416 (SC) at 418; *Wisma Puncu Emas Sdn Bhd v Dr Donal R O'Holohan* [1987] 1 MLJ 393 (SC); *Gimstern Corporation (M) Sdn Bhd & Anor v Global Insurance Co Sdn Bhd* [1987] 1 MLJ 302 (SC); and *Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd v Ooi Bee Tat & Anor* [1993] 3 MLJ 633). It is a correct statement of the law to state that where the case has been decided on an issue that is not raised in the pleadings, the judgment can be set aside forthwith.

F

G

H

[121] Berdasarkan pada autoriti ini, pihak plaintif-plaintif tidak boleh membangkitkan isu-isu yang tidak diplidkan dan mahkamah tidak berhak untuk memutuskan pada perkara yang tidak diplidkan — rujuk kes Mahkamah Agung, *Yew Wan Leong v Lai Kok Chye* [1990] 2 MLJ 152.

I

[122] Jadi berdasarkan semua alasan-alasan di atas, saya dapati plaintif-plaintif gagal membuktikan kes seperti yang diplidkan terhadap defendan-defendan. Versi plaintif-plaintif tidak konsisten dengan keterangan dokumen-dokumen semasa.

- A [123] Versi kes defendan-defendan adalah konsisten dengan bukti dokumen-dokumen yang dikemukakan.
- [124] Pihak plaintif-plaintif tidak boleh bergantung pada fakta material yang tidak diplidkan.
- B [125] Dengan itu berdasarkan pada semua alasan-alasan di atas, saya dapati plaintif-plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan.
- C [126] Dengan itu tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan ditolak dengan kos.
- D [127] Manakala saya dapati, pihak defendan-defendan telah berjaya membuktikan tuntutan balasnya terhadap plaintif-plaintif untuk kerugian bagi kehilangan aset dan stok lama serta barangan dan stok baru bernilai RM260,966.30.
- E [128] Lain-lain tuntutan tidak dibuktikan. Mahkamah luluskan tuntutan ini dengan kadar faedah 5% setahun mulai hari ini sehingga selesai pembayaran.
- [129] Kos keseluruhan tindakan kepada defendan-defendan sebanyak RM40,000.
- F *Tuntutan plaintif-plaintif ditolak dan sebahagian tuntutan balas defendan-defendan dibenarkan dengan kos.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum

G

---

H

I